

NO. SOALAN: 108

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]

TARIKH :

RUJUKAN : 10671

SOALAN:

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berikutan peningkatan kes rompakan, kes ragut dan samun bersenjata, apakah usaha PDRM untuk membanteras jenayah kekerasan ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa komited untuk menentukan kadar perlakuan jenayah dalam negara dapat dikawal dan dikurangkan setiap tahun. Pelbagai program pencegahan jenayah telah diperkenalkan untuk mengurangkan tahap kebimbangan rakyat khususnya terhadap jenayah indeks yang dikategorikan sebagai jenayah kekerasan yang meliputi kes samun berkawan bersenjata api, samun berkawan tanpa bersenjata api, samun bersenjata api, dan samun tanpa senjata api.

Dalam mengekang kegiatan jenayah, pihak PDRM telah menjalankan beberapa strategi untuk mencegah jenayah di antaranya adalah seperti berikut:-

- 1) PDRM telah menubuhkan pasukan khas iaitu *Special Task Force on Organised Crime (STFOC)*, *Special Tactical Intelligence Narcotics Group (STING)* dan *Special Task Force For Anti Vice, Gaming and Gangsterism (STAGG)* untuk memerangani jenayah berat, pengedaran dadah, perjudian dan maksiat yang berlaku dalam Negara;**
- 2) Mengadakan rondaan secara berjalan kaki (*Bit and Patrol*), bermotosikal (*Unit Rondaan Bermotosikal*) dan berkereta (*Mobile Patrol Vehicle*) di kawasan-kawasan tumpuan ramai. Kehadiran anggota berpakaian uniform di kawasan-kawasan yang strategik adalah bersesuaian dengan konsep *Police***

Omnipresence dan akan menjadi penghalang kepada penjenayah untuk melakukan jenayah;

- 3) Dalam usaha memerangi jenayah, PDRM telah mewujudkan Unit Risiko Bersepadu (*Central Intelligence Unit-CIU*) dengan menggunakan konsep *Intelligence lead policing* iaitu sebagai pusat pengumpulan maklumat dan risiko jenayah. Risiko dan analisis jenayah akan dibuat untuk mengesan dan menangkap penjenayah atau merancang tindakan pencegahan jenayah dengan lebih efektif;
- 4) Langkah muktahir yang diambil untuk mencegah jenayah adalah dengan mengambil tindakan di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA) terhadap penjenayah yang tidak dapat dibawa ke Mahkamah atas kekurangan bukti yang kukuh, namun terdapat keterangan dan maklumat risiko yang menunjukkan penglibatan mereka dalam aktiviti jenayah; dan
- 5) Melaksanakan Kempen Bersama Membanteras Jenayah atau "*United Against Crime*" (UAC) bagi meningkatkan penyertaan masyarakat bersama pihak berkuasa untuk membanteras jenayah. PDRM juga telah memperkenalkan "*Volunteer Smartphone Patrol (VSP)*" yang merupakan inovasi baharu bertujuan memudahkan orang awam menyalurkan maklumat atau aduan yang memerlukan bantuan pihak polis.

Usaha untuk memerangi jenayah bukan hanya terletak di bahu pihak penguatkuasa semata-mata, tetapi tugas sedemikian harus

juga dipikul oleh setiap lapisan masyarakat tanpa mengira ideologi politik, keturunan bangsa, dan kepercayaan agama masing-masing. Masyarakat memainkan peranan penting dalam menyalurkan maklumat tentang sebarang aktiviti jenayah yang berlaku di persekitaran mereka kepada pihak berkuasa.